



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

22 Julai 2018

1. Bekalan daging dijamin cukup; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW SUNDAY TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Isu	M/SURAT:	<input type="text" value="21"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input checked="" type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
22 Julai 2018			

Bekalan daging dijamin cukup

Tindakan Australia gantung eksport tak jejas persiapan ibadah korban

Oleh Siti Nur Mas Erah Amran dan Muhammad Saufi Hassan
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Bekalan daging dijamin mencukupi menjelang sambutan Aidiladha bulan depan, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, tindakan Australia mengantung eksport ternakan kambing dan biri-biri ke Malaysia selama enam minggu tidak akan menjejaskan bekalan daging di negara ini.

"Ia memang dasar yang mereka (Australia) tetapkan, namun kita sudah melakukan persediaan sejak awal lagi bagi memastikan bekalan mencukupi.

"Kita masih import daging dari negara lain bagi menampung permintaan yang tinggi.

"Justeru, tidak ada apa yang perlu dibimbangkan dan pemantauan akan dilakukan dari semasa ke semasa menjelang perayaan nanti," katanya ketika dihubungi NSTP, semalam.

Kelmarin, akhbar melaporkan Jabatan Pertanian dan Sumber Air Australia mengumumkan tarikh pengantungan semua aktiviti eksport yang ditetapkan antara 7 Julai lalu sehingga 25 Ogos depan.

Berdasarkan notis tersebut, jabatan berkenaan mendakwa meserinya banyakk laporan mengenai tahap kebajikan haiwan yang rendah, selain ternakan yang dieksport ke Malaysia tidak dapat dikawal dan dikesan.

Majlis Pengeksport Ternakan Australia (AIEC) memaklumkan ahlinya bersetuju tidak mengeksport biri-biri dan kambing ke Malaysia menjelang Hari Raya Korban kali ini, berikutan kebimbangan Sistem Jaminan Rangkaian Bekalan Pengeksport (ESCAS) tidak dapat diatasi.

Dapatkan bekalan di Thailand

Pengantungan itu ditetapkan selepas jabatan mempertimbangkan maklumat diterima, termasuk risiko peningkatan ketidakpatuhan ketika aktiviti korban, kekurangan maklumat balas daripada pengeksport susulan pelanggaran ESCAS tahun lalu dan bukti sistem kawalan pengeksport dan pengesanan ternakan kurang berkesan.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan melihat kemungkinan untuk mendapatkan bekalan kambing dan biri-biri di negara lain seperti Indonesia dan Thailand.

Sumber MAQIS memaklumkan jika wujud keperluan mendesak supaya jabatan itu menyediakan haiwan ternakan berkenaan, negara yang berkemungkinan adalah Indonesia atau Thailand.

Masih terkawal

"Setakat ini, semuanya terkawal dan bekalan haiwan berkenaan masih mencukupi. Kita akan lihat perkara itu dari semasa ke semasa kerana pengantungan ini bersifat sementara saja.

"Untuk Aidiladha, haiwan ternakan yang mendapat permintaan paling tinggi adalah lembu, manakala kambing dan biri-biri kurang popular.

"Bagaimanapun, kita sudah melihat perkara ini dan menyediakan pelan susulan jika didapati wujud keperluan mendesak untuk kita mendapatkan bekalan," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Pengurus EZ Qurban Sdn Bhd, Muhammad Hafeez Firdaus Toharudin, berkata pihaknya tidak terjejas dengan sekatan eksport berkenaan memandangkan kebanyakan kerja kebajikan syarikat itu dilaksanakan di negara luar.

"Saya memang ada dengar sekatan itu memandangkan ia adalah sebahagian daripada perundangan mereka, namun saya tidak rasa bekalan domestik akan terjejas," katanya.

Kerajaan import bekalan daging dari negara lain penuhi permintaan sambutan Aidiladha.



Sindiket curi binatang korban guna helah baharu

Kota Bharu: Sindiket mencuri lembu dan kambing untuk dijual sebagai binatang korban sempena Aidiladha semakin licik apabila pelaku menggunakan kenderaan membawa kuda bagi mengaburi pihak berkuasa.

Bagaimanapun taktik itu dapat dikesan apabila polis berjaya menumpaskan sindiket serta merampas enam lembu dan tiga kambing di Tok Uban dan Tendong, Pasir Mas, minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Pasir Mas, Asisten Komisjoner Abdullah Mohammad Piah, berkata pihaknya merampas ternakan yang dicuri daripada penernak kecil-kecilan di kawasan kampung dengan nilai rampasan hampir RM20,000.

Guna kenderaan bawa kuda

"Selepas dicuri, binatang ternakan akan disembur dengan racun serangga untuk melarikan ternakan berkenaan.

"Sindiket menggunakan kenderaan membawa kuda kerana beranggapan kegiatan mereka tidak dapat dihidu oleh pihak berkuasa.

"Namun, hasil pemantauan dan operasi polis berjaya mengesan dan merampas ternakan berkenaan yang dalam perjalanan untuk dibawa ke lokasi pembeli," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya mengambil serius kegiatan itu bagi mengelakkan ia berleluasa terutama pada musim perayaan Aidiladha bulan depan.

Katanya, polis menjalankan operasi 24 jam terutama pada waktu malam untuk mengekang kecurian haiwan ternakan.

Sindiket menggunakan kenderaan membawa kuda kerana beranggapan kegiatan mereka tidak dapat dihidu oleh pihak berkuasa

Abdullah Mohammad Piah,
Ketua Polis Daerah Pasir Mas